

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 27/9/2019  
M/SURAT : 18

## Premis guna perisian cetak rompak diserbu

**KLANG** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menyita set komputer bernilai RM6,000 kerana menggunakan perisian cetak rompak.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, dalam operasi yang bermula jam 12 tengah hari itu sebanyak 11 komputer

diperiksa di sebuah premis hi-asan dalaman di Taman Perindustrian, Air Hitam di sini kelmarin.

"Hasil pemeriksaan mendapat hanya dua buah komputer yang dikesan mempunyai salinan langgaran perisian AutoCad.

"KPDNHEP kemudian bertindak merampas dua komputer berjenama Segotep dan Cooler

Master itu yang bernilai RM6,000 untuk tindakan lan-jut," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut merekod keterangan dua pekerja premis warga tempatan berusia lingkungan 30-an bagi membantu siasatan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 41(1)(d) Akta Hak Cipta 1987.